



DASAR CUKAI PERKHIDMATAN BIL 7/2020

**PERAKAUNAN CUKAI PERKHIDMATAN BAGI ORANG YANG DIKECUALIKAN
DARIPADA PEMBAYARAN CUKAI PERKHIDMATAN DI BAWAH BUTIRAN 3 DAN 4
PERINTAH CUKAI PERKHIDMATAN (ORANG YANG DIKECUALIKAN DARIPADA
PEMBAYARAN CUKAI) 2018**

1. Seksyen 7, Akta Cukai Perkhidmatan 2018 (ACP 2018) menyatakan perkhidmatan bercukai diimport adalah dikenakan cukai perkhidmatan.
2. Cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan yang diimport hendaklah diakaunkan dan dibayar oleh penerima perkhidmatan:
 - 2.1. menggunakan penyata SST-02 bagi orang kena cukai (Sek.26(1) ACP 2018)
 - 2.2. menggunakan perisytiharan SST-02A bagi orang selain orang kena cukai (Sek.26A(1) ACP 2018)
3. Mulai 1 Januari 2020, Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 (PCP(OYDC) 2018) telah dipinda dengan dimasukkan butiran 3 dan 4 ke dalam Jadual.
4. Dengan pengecualian yang diberi di bawah butiran 3 atau 4 PCP(OYDC) 2018, penerima perkhidmatan bercukai yang diimport yang dinyatakan dalam ruang (3) tidak perlu membayar cukai perkhidmatan kepada JKDM melalui kaedah yang dinyatakan di perenggan 2.1 atau 2.2.
5. Sehubungan dengan itu, bagi maksud butiran 3 dan 4 PCP(OYDC) 2018, mana-mana orang yang dinyatakan di ruang (2) dan memenuhi syarat di ruang (4), tidak perlu mengakaun cukai atas perkhidmatan yang diimport di ruang (3);
 - 5.1. Orang kena cukai tidak perlu ikrar di Bahagian B1, B2 dan butiran 18(c) di Bahagian D penyata SST-02
 - 5.2. Orang selain orang kena cukai tidak perlu ikrar perisytiharan SST-02A.

BAHAGIAN CUKAI DALAM NEGERI
IBU PEJABAT KASTAM DIRAJA MALAYSIA, PUTRAJAYA